



MUHAMMAD Ashraf (kiri) menerima ijazah disampaikan Tuanku Abdul Halim.

Kaki lembik otak geliga

■ Pelajar OKU anggap cacat bukan halangan



KAMPUS

Oleh **OMAR OSMAN**
am@mediaprima.com.my
Kuala Ketil

“Saya tidak pernah menganggap diri ini cacat dan serba kekurangan, sebaliknya sebagai insan sempurna walaupun hakikatnya memang cacat,” kata Muhammad Ashraf Anuar, 25, yang muncul pelajar terbaik sempena Majlis Konvokesyen Ke-15 Kolej Universiti Insaniah (KUIN), di sini, semalam.

Beliau yang mendapat Ijazah Kelas Pertama Sarjana Muda Pentadbiran dan Perniagaan (Perbankan Islam) dengan Kepujian menerima Anugerah Jaizah Imtiyaz bersama tiga lagi pelajar lain antara 1,352 pelajar yang menerima ijazah masing-masing.

Muhammad Ashraf dari Alor Setar cacat sejak dilahirkan iaitu kedua-dua kakinya lembik tidak mampu berdiri dan ber-

gerak dengan menggunakan tongkat, namun taraf orang ke-lainan upaya (OKU) tidak menghalangnya belajar dan muncul antara pelajar terbaik.

“Walaupun berdepan masalah untuk bergerak bebas, saya tidak pernah anggap kecacatan kaki ini sebagai penghalang untuk belajar bersungguh-sungguh bagi mencapai cita-cita saya sebagai pensyarah.

“Pada mulanya memang sukar untuk sesuaikan diri ketika mula belajar di sini apabila tempat belajar saya terletak di tingkat atas yang sentiasa memerlukan tongkat untuk bergerak.

“Tetapi, itu semua saya anggap bukan halangan untuk terus belajar. Alhamdulillah dengan kerjasama pentadbiran KUIN tempat belajar saya dipindahkan ke tingkat bawah bagai-manapun saya sukar untuk mengulangkaji pelajaran kerana perpustakaan terletak di tingkat atas,” katanya yang ditemui selepas majlis konvokesyen berkenaan.

Majlis penyampaian Anugerah Jaizah Imtiyaz Yayasan Sultanah Bahiyah itu disampaikan Yang di-Pertuan Agong yang juga Canselor KUIN Tuanku Abdul Halim Mu’adzam Shah.

Hadir sama Menteri Besar Datuk Mukhriz Mahathir dan Rektor KUIN Prof Datuk Mohd Yusof Kasim.

FAKTA
Terima Anugerah
Jaizah Imtiyaz
bersama tiga
pelajar lain